



## KENYATAAN MEDIA

18 April 2016

### **Graduan UniMAP Terima Anugerah YTAR**

KUALA LUMPUR, 18 April – Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Chua Seng Wei, meraih pingat gangsa bagi Anugerah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).

Anugerah disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam majlis yang diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini, semalam.

Menurut Chua Seng Wei, anugerah yang diterima itu merupakan penghargaan bukan saja bagi dirinya, malahan bagi UniMAP.

“Saya berasa amat berbangga kerana terpilih untuk memperolehi anugerah antara yang berprestij di negara kita ini. Walaupun telah bekerja saya bersyukur kerana masih dapat mengharumkan nama UniMAP.

“Harapan saya agar lebih ramai graduan akan meraih anugerah yang lebih tinggi, sama ada emas atau perak di masa hadapan,”katanya ketika dihubungi, semalam.

Chua Seng Wei yang kini bekerja sebagai jurutera kadet di IOI Group, membawa pulang wang tunai RM1,000 dan pingat gangsa tulen seberat 32 gram.

Antara kriteria yang ditetapkan untuk terpilih menerima Anugerah YTAR ialah seseorang graduan mestilah mencapai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) minimum 3.80, dan sangat aktif serta mencapai kecemerlangan dalam bidang kokurikulum sepanjang pengajiannya.

Untuk rekod, pada tahun 2014 lalu, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik UniMAP, Umahwathy Sundararaju turut menerima anugerah yang sama.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Basri Basir ([mbasri@unimap.edu.my](mailto:mbasri@unimap.edu.my))**

**Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP**